

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Rumusan Dapatan Kajian

Hasil kajian daripada Bab 4 yang berlandaskan pendekatan eklektik bertunjangkan model analisis wacana **Grimes** menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 13 teknik retorik telah dimanfaatkan oleh **Mahathir** dalam ucapan politik beliau (telah disenaraikan di 4.14 dalam Bab 4).


Antaranya, 9 daripada teknik-teknik retorik ini telah diperincikan dan dibahagikan kepada sejumlah 37 subgolongan, iaitu TPM dibahagikan kepada 5 subgolongan; TT juga dibahagikan kepada 5 subgolongan; TUS dibahagikan kepada 6 subgolongan; 4 subgolongan daripada TMNK; 5 subgolongan daripada TD; 3 subgolongan daripada TK; TPP terdiri daripada 4 subgolongan; TPR dibahagikan kepada 3 subgolongan; dan akhir sekali TH dibahagikan kepada 2 subgolongan. Didapati semua subgolongan teknik retorik ini telah berfungsi dan memainkan peranan penting dalam membantu penghujah menyampaikan sesuatu mesej secara efektif dan seterusnya memberi kesan-kesan tertentu kepada para pendengar. Kesemua ini telah diuraikan dan dipaparkan secara sistematik dalam Bab 4.

Walau bagaimanapun, untuk memberi satu gambaran yang lebih jelas kepada para pembaca, kekerapan penggunaan 13 teknik retorik yang telah dikenal pasti dalam kajian ini akan dipaparkan melalui carta. Teknik-teknik retorik tersebut akan dipaparkan mengikut urutan peratusan penggunaanya, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4 di muka surat sebelah.

Berpandukan carta dalam Rajah 4, didapati teknik pernyataan maklumat (TPM) adalah antara teknik retorik yang paling kerap dimanfaatkan oleh **Mahathir** dalam ucapan politik beliau di Perhimpunan Agung UMNO. Ini mungkin disebabkan sebagai Presiden UMNO, tugas utama beliau ialah menyampaikan sesuatu maklumat baru ataupun lama kepada semua ahli parti. Dalam erti kata yang lain, ucapan yang disampaikan oleh **Mahathir** dalam Perhimpunan Agung UMNO adalah lebih bersifat "*instructive*" dan "*informative*". Ini dapat dibuktikan lagi dengan kekerapan penggunaan teknik penerangan (TT) yang juga agak tinggi, iaitu sebanyak 17.4%.

Di samping itu, teknik mengumpam sokongan (TUS) juga sering digunakan dalam ucapan beliau, iaitu sebanyak 15.7%. Didapati **Mahathir** lebih suka memancing sokongannya secara berterus terang, iaitu dengan cara menuduh pihak lawan secara langsung [TUS(nl)] (44 kali) serta secara menonjolkan diri [TUS(td)] (44 kali), berbanding dengan TUS(ps) yang hanya dimanfaatkan sebanyak 11 kali sahaja.

**Rajah 4**  
Kekerapan Penggunaan Teknik-teknik Retorik dalam Ucapan Politik Mahathir



\* sila rujuk Senarai Singkatan untuk segala singkatan yang digunakan dalam rajah di atas.

Selain itu, sebagai ketua parti, **Mahathir** juga menggunakan pengaruhnya untuk mendidik dan menakut-nakutkan ahli-ahli parti supaya tidak berkelakuan menyeleweng ataupun melakukan sesuatu yang tidak diingini. Ini dapat dibuktikan dengan pemanfaatan teknik menakut-nakutkan (TMNK) (10.0%) dan teknik didaktik (TD) (7.5%) dalam ucapan beliau.

Dalam pada itu, sebagai pemimpin negara dan ketua parti juga, **Mahathir** bukan sahaja berkecenderungan menyampaikan hujah secara berterus-terang, malahan beliau juga cuba menyakinkan para pendengar dengan seboleh mungkin akan apa yang disampaikan. Usaha ini telah dilakukan melalui teknik pengukuhan (TK) (6.9%) dan teknik kepastian (TKP) (3.9%).

Walau bagaimanapun, daripada hasil kajian didapati **Mahathir** tidak begitu suka berhujah secara berputar-belit, berlemah-lembut ataupun berselindung. Ini dapat dibuktikan melalui kekerapan penggunaan beberapa teknik retorik yang agak rendah, iaitu teknik pernyataan perasaan (TPP) (3.2%), teknik pertanyaan retorik (TPR) (2.6%), teknik menghasut (TH) (1.4%), teknik menyindir (TSD) (1.1%), teknik imbas kembali (TIK) (0.4%) dan teknik kesopanan (TS) sebanyak (0.4%) sahaja. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh sikap **Mahathir** yang memang terkenal dengan kelantangan bersuara, ataupun beliau menganggap ahli-ahli parti UMNO sebagai ahli keluarga / adik-beradik sendiri yang boleh ditegur secara terus-terang.

Di samping itu, berdasarkan hasil kajian dalam Bab 4 juga, didapati rata-rata teknik retorik yang dapat dikenal pasti dalam kajian ini adalah ditandai oleh ungkapan-ungkapan tertentu. Namun, dapat dikesan juga beberapa kes kekecualian, di mana terdapat segelintir teknik retorik misalnya TT(kj), TUS(ps), TUS(td) dan TMNK(c) adalah tidak ditandai oleh apa-apa ungkapan. Teknik-teknik retorik jenis ini hanya diwujudkan oleh ayat-ayat yang berfungsi dalam konteks penggunaanya. (sila rujuk analisis di Bab 4). Walau bagaimanapun, kesemua ungkapan yang telah dapat dikenal pasti yang digunakan untuk menandai teknik-teknik retorik tertentu dalam kajian ini adalah dirumuskan dan dipaparkan melalui Jadual 14 seperti berikut :

#### **Jadual 14**

#### **UNGK/.PAN-UNGKAPAN YANG MENANDAI TEKNIK-TEKNIK RETORIK TERTENTU**

<b>Teknik Retorik</b>	<b>Ungkapan-ungkapan Yang Menandai Teknik Retorik</b>
TPM(c)	Seperti (bergantung kepada keadaan)
TPM(g)	Kononnya, seolah-olah, hampir, umumnya, biasanya, kebanyakannya, agak, tidak ramai, kadang-kadang, ada yang / ada ... yang, ada juga
TPM(h)	Jika, jika kerana, mungkin, mungkin kerana, mungkin ada.
TPM(i)	Di zaman dahulu, dulu / dahulu, di zaman British, pemerintahan kolonial, di zaman gemilang Islam, di zaman Datul Onn, tahun lalu, (dinyatakan tahun-tahun tertentu yang lepas).
TPM(t)	Dan, lalu, demikian / demikian juga, selain itu, selain
TT(ka)	Tongkat, unta, benang, pisang, dsb.
TT(ku)	Ini bermakna, yang dimaksudkan ... ialah, hakikatnya ialah, ialah, adalah, iaitu, ... juga bermakna, yang ... ialah, merupakan
TT(s)	Kerana, sebab, itulah, yang menyebabkan

<b>Teknik Retorik</b>	<b>Ungkapan-ungkapan Yang Menandai Teknik Retorik</b>
TUS(nl)	Mereka, orang seperti ini
TUS(ntl)	Bahawa, "bentuk pasif" (di + kata kerja)
TMNK(r)	Mungkin, jika, kemungkinannya ialah, besar kemungkinan, akan
TMNK(s)	Akhirnya, semua ini, demikian hasilnya, inilah
TD(am)	Jangan sekali-kali, jangan kita fikir.
TD(lr)	Jangan / janganlah, tidak harus, tidak boleh
TD(n)	Boleh, adalah tidak bijak, lebih baiklah, biarlah
TD(s)	Perlu / perlulah, mestilah, harus ingat, hendaklah, partikel "lah".
TK(c)	Sebagai contoh, demikianlah, seperti, antaranya / antara
TK(m)	Sebenarnya, memang, sesungguhnya, mengikut ...
TK(t)	Dengan itu / ini, justeru itu, memandangkan kepada hakikat ini, oleh itu
TKP	Sudah tentu, tentulah, yakin dan tahu, saya dengan penuh insaf, saya percaya / yakin, saya sedar, saya boleh senaraikan, kita tahu, kita dapat buktikan, bukanlah ... mustahil, ternampak jelas / jelas, ternyata sekali, tidak syak lagi, tidak d. pat dinafikan, sejarah telah membuktikan saya percaya (benar-benar)
TPP(gm)	Alhamdulillah, syukur alhamdulillah, bersyukur
TPP(h)	Semoga, insya-Allah, saya harap, saya berdoa
TPP(k)	Malangnya, malang bagi kita, saya kecewa, saya sedih
TPP(ts)	Kita bimbang, kita khuatir
TPR(al)	Apakah ... atau
TPR(pr)	Apakah benar, dapatkah kita pasti, apakah kerana takut ... kita harus ...., apakah bezanya, mengapakah, benarkah kita tahu dan faham. Bolehkah kita yakin / percaya.
TIK	Seperti yang telah saya sebutkan, awal-awal lagi saya sudah tegaskan, seperti yang saya katakan.
TS	Yang dihormati, yang mulia, dengan limpah kurnianya-Nya, saya ... mengucapkan selamat datang.

\* sila rujuk Senarai Singkatan untuk semua singkatan yang digunakan dalam Jadual.

Akhir sekali, berpandukan Jadual 15 dapat dirumuskan bahawa teknik pernyataan maklumat (TPM), teknik kepastian (TKP) dan teknik menghasut (TH) adalah lebih signifikan dalam membincangkan topik “Sayangilah parti, bangsa, agama dan negara”. Manakala teknik penerangan (TT), teknik mengumpam sokongan (TUS), teknik menakut-nakutkan (TMNK), teknik didaktik (TD), teknik pengukuhan (TK), teknik pernyataan perasaan (TPP), dan teknik pertanyaan retorik (TPR) adalah lebih signifikan dalam membincangkan topik “Ke arah meningkatkan maruah bangsa”. Sementara teknik menyindir (TSD) adalah secara relatifnya lebih signifikan dalam membincangkan topik “Hapuskan politik wang”. Semua kekerapan penggunaan teknik-teknik retorik yang berkaitan dengan 3 topik hujah utama yang disentuh dalam teks ucapan yang dikaji telah dipaparkan secara sistematik dalam Jadual 15 berikut (sila rujuk muka surat sebelah):

**Jadual 15**

**PERKAITAN ANTARA TEKNIK-TEKNIK RETORIK  
DENGAN TOPIK HUJAH**

Topik Hujah Teknik Retorik	TH(1) : Ke Arah Meningkatkan Maruah Bangsa.	TH(2) : Hapuskan Politik Wang	TH(3) : Sayangilah Parti, Bangsa, Agama dan Negara	Jumlah
TPM	107	62	(135)	304
TT	(78)	35	67	180
TUS	(69)	36	57	162
TMNK	(49)	30	25	104
TD	(41)	5	21	77
TK	(31)	21	16	68
TKP	7	17	20	44
TPP	(16)	6	11	33
TPR	(11)	10	6	27
TH	3	2	(9)	14
TSD	2	7	2	11
TIK	2	-	2	4
TS	(3)	1	-	4
Jumlah	419	232	381	1032

\* sila rujuk Senarai Singkatan untuk semua singkatan yang digunakan dalam Jadual.

## **5.1 Implikasi Kajian**

Kepada para penghujah, kajian ini mempunyai implikasi kuasa meramal. Ini bermaksud dengan mengenal pasti 13 jenis teknik retorik dan subgolongannya serta ungkapan-ungkapan yang menandai teknik-teknik retorik tertentu dalam ucapan politik Mahathir, para penghujah boleh mengesan dan mempelajari cara-cara yang efektif untuk berucap dan seterusnya mengaplikasikannya ketika berucap di hadapan khlayak ramai.

Di samping itu, hasil kajian ini juga boleh berperanan sebagai alat prognosis untuk mengelakkan ataupun meminimumkan kesalahan para penghujah ketika berucap di hadapan khlayak ramai. Para penghujah juga boleh memanfaatkan teknik-teknik retorik dan ungkapan-ungkapan berkesan yang telah dikenal pasti dalam ucapan mereka.

Kepada pengundi dalam pilihanraya pula, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan tambahan kepada mereka, agar mereka lebih memahami teknik-teknik retorik yang sering dimanipulasikan oleh ahli politik dalam kempen politik. Ini penting supaya para pendengar tidak mudah dipengaruhi oleh janji-janji manis ataupun ditakut-takuti oleh perkara yang kurang berasas.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah berjaya memperkayakan kosa ilmu linguistik Melayu tentang aspek pemanfaatan teknik-teknik retorik dalam teks ucapan politik Melayu.

## 5.2 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Sebagaimana yang dimaklumi, data kajian ini adalah berdasarkan teks ucapan bertulis. Oleh itu, teknik-teknik berucap yang melibatkan ciri-ciri pragmatik seperti intonasi, jeda, teknik permafasan, gestikulasi (termasuk mimik muka, gerakan tangan, dll) serta reaksi daripada para pendengar tidak diambil kira dalam kajian ini. Memandangkan kekurangan ini, dicadangkan bahawa pada masa akan datang satu kajian yang berdasarkan data sumber audio ataupun visual dapat dilakukan dengan lebih sempurna.

Selain itu, dengan berlandaskan kaedah analisis wacana gabungan yang bertunjangkan model analisis wacana **Grimes** (1975), kajian ini hanya meneliti teknik-teknik retorik yang dimanfaatkan dalam teks ucapan **Mahathir**, di samping mengenal pasti ungkapan-ungkapan yang menandai sesuatu teknik retorik tertentu. Perkara-perkara seperti sejauh manakah teknik-teknik retorik ini memberi kesan dan impak kepada para pendengar adalah tidak diambil kira dalam kajian ini. Oleh itu, satu kajian yang lebih bersifat holistik yang meneliti aspek retorik dari segi keberkesanannya penyampaian mesej oleh penghujah serta kesan dan impak retorik terhadap para pendengar boleh dilakukan pada masa depan.

Di samping itu, skop data kajian ini juga boleh diperluaskan lagi dengan tidak hanya dihadkan kepada 3 cebisan teks ucapan politik **Mahathir** dalam situasi yang sama sahaja. Dengan menggunakan lebih banyak cebisan teks ucapan politik dalam situasi yang berlain sebagai data kajian, mungkin lebih banyak teknik-teknik retorik yang berbeza dapat dikenal pasti lagi.

Selain itu, satu kajian bandingan yang membandingkan teks ucapan dua orang tokoh politik dari segi teknik-teknik retorik juga boleh dijadikan sebagai cadangan untuk kajian lanjutan.